

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan lambakan rumah mewah tidak terjual di Malaysia dianggar bernilai RM100 bilion. Apakah sebab-sebab tertentu berlaku sedemikian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara Suku Kedua 2019, terdapat 32,810 unit rumah siap dibina tidak terjual dengan nilai keseluruhan RM19.76 bilion sebagaimana jadual berikut:

**UNIT RUMAH SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL  
MENGIKUT KATEGORI HARGA (SUKU KEDUA TAHUN 2019)**

KATEGORI HARGA	UNIT DILANCARKAN	UNIT TIDAK TERJUAL		NILAI TIDAK TERJUAL (RM JUTA)
		BIL.	%	
BAWAH RM300,000	39,787	11,511	28.9	2,279
RM300,001 -RM500,000	29,946	8,788	29.3	3,387
RM500,001 -RM700,000	25,128	5,217	20.8	3,117
RM700,001 -RM1000,000	14,011	3,081	22.0	2,585
ATAS RM1,000,000	15,252	4,213	27.6	8,391
<b>JUMLAH</b>	<b>124, 124</b>	<b>32,810</b>	<b>26.4</b>	<b>19,760</b>

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), 2019

## NO SOALAN : 36

2. Daripada jumlah 32,810 unit siap dibina tidak terjual tersebut, 4,213 (12.8%) dengan nilai RM8.3 bilion rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta ke atas di negara ini.
3. Antara sebab berlakunya lambakan rumah mewah tidak terjual adalah kerana ketidakmampuan membeli rumah mengikut harga pasaran, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan rumah mengikut lokasi serta ketiadaan sistem bersepodu bagi memastikan kesepadan antara penawaran dan permintaan rumah. Justeru itu, KPKT dengan kerjasama Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) sedang membangunkan ***Housing Integrated Management System (HIMS)*** bertujuan untuk menyediakan sistem lengkap mengenai maklumat penawaran serta keperluan untuk mengurangkan *mismatch* serta memastikan perancangan perumahan yang lebih terancang dan sistematik.

Sekian, terima kasih.